

LESEN IMPORT (AP) FRANCAIS

1. Hanya dibenarkan mengimport kenderaan baharu secara terus dari syarikat pengeluar di luar negara bagi jenama-jenama tertentu berdasarkan perjanjian Francais.
2. Pengimportan kenderaan dari negara ASEAN tidak dikenakan sekatan kuantiti mulai 1 Januari 2007.
3. Nisbah peruntukan bagi AP Francais adalah 40% daripada jumlah Had Bumbung AP Setiap Tahun. Jumlah Had Bumbung AP adalah 10% daripada jumlah pengeluaran kenderaan penumpang dan komersil tempatan bagi tahun sebelumnya.
4. Jumlah peruntukan setiap syarikat pada setiap tahun adalah berdasarkan prestasi penggunaan AP syarikat dan juga perancangan import syarikat bagi tahun yang dipohon namun tertakluk kepada pertimbangan dan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Mentadbir Lesen Import (JKAP).
5. Terdapat penguatkuasaan sekatan import bagi beberapa jenama kereta dan motosikal baharu. Sekatan import tidak membenarkan pengimportan kenderaan jenama tersebut melalui permohonan lesen import (AP) yang lain (e.g.: AP Terbuka) namun tertakluk kepada kebenaran syarikat pemegang francais jenama tersebut di Malaysia. Butiran lanjut seperti berikut:
 - i. Sekatan import bagi jenama-jenama adalah berdasarkan *exclusivity* perjanjian Francais (senarai jenama seperti di Lampiran).
 - ii. Sekatan jenama ini berubah-ubah kerana terdapat perubahan dari segi model-model baru yang diperkenalkan dan penamatan perjanjian francais jenama sedia ada.
 - iii. Sekatan jenama adalah berdasarkan kepada permohonan pemegang Francais.
 - iv. Asas pengenaan sekatan import jenama:
 - a. syarikat mempunyai perjanjian eksklusif sebagai pengimport jenama berkenaan; dan
 - b. pelaburan tinggi yang dibuat syarikat untuk mendapatkan hak Francais dan menyediakan perkhidmatan selepas jualan.
6. Syarat-syarat kelulusan peruntukan AP Francais adalah tertakluk kepada:
 - i. syarikat mengekalkan sekurang-kurangnya 70 peratus pegangan ekuiti Bumiputera;
 - ii. sebarang perubahan pegangan ekuiti dan Lembaga Pengarah hendaklah mendapat kelulusan Kementerian ini terlebih dahulu;

- iii. mengemukakan Penyata Kewangan Beraudit terkini sebelum peruntukan AP tahunan dikeluarkan kepada syarikat;
- iv. sekiranya hak sebagai pemegang francais dibatalkan, peruntukan AP juga akan dibatalkan tanpa mengantikannya dengan kenderaan jenis lain;
- v. syarikat dikehendaki memaklumkan Kementerian ini mengenai penamatan perjanjian dan sebarang perubahan kepada perjanjian berkenaan;
- vi. pengimportan hendaklah dibuat secara terus dari syarikat prinsipal seperti yang ditetapkan dalam perjanjian dan bagi model yang belum dipasang di Malaysia;
- vii. kelulusan bagi pengimportan dari negara ASEAN adalah tertakluk kepada pematuhan syarat tempatal sekurang-kurangnya 40% bahan mentah tempatan/serantau di bawah skim ASEAN *Trade In Goods Agreement* (ATIGA);
- viii. urusan perniagaan hendaklah dijalankan oleh syarikat sendiri tanpa menggunakan perkhidmatan syarikat pengantara;
- ix. AP (Borang JK69) yang telah diluluskan oleh MITI secara online hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum kenderaan tiba di pelabuhan;
- x. semua pesanan dan pembelian kenderaan hendaklah dalam lingkungan jumlah peruntukan yang diluluskan;
- xi. tempoh sahlaku peruntukan AP ini adalah sehingga 31 Disember tahun semasa;
- xii. semua peruntukan AP hendaklah digunakan pada tahun semasa iaitu sebelum 31 Disember setiap tahun;
- xiii. semua urusan pengimportan hendaklah diselesaikan dalam tempoh masa sah laku AP (6 bulan) atau sebelum 31 Disember setiap tahun;
- xiv. maklumat yang dinyatakan di dalam dokumen sokongan pengimportan seperti invois, *Bill of Lading* dan *Certificate of Origin/Form D* (untuk pengimportan dari ASEAN) hendaklah sama dengan maklumat AP (Borang JK69); dan
- xv. bilik pameran yang sesuai perlu dikekalkan dalam tempoh syarikat sebagai pemegang peruntukan AP.

LESEN IMPORT (AP) FRANCAIS	
Kod ePermit	IQV (LUAR ASEAN) & IQA (ASEAN) - KERETA IQC (LUAR ASEAN) & IQM (ASEAN) – MOTOSIKAL IQB (ASEAN) – KENDERAAN KOMERSIL
Syarat Menjadi Lesen Import (AP) Francais	<p>1. Syarikat hendaklah mempunyai perjanjian francais yang sah dan eksklusif dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. syarikat prinsipal; atau ii. subsidiari kepada syarikat prinsipal (sekurang-kurangnya 51% daripada saham-saham syarikat subsidiari dimiliki oleh syarikat prinsipal). <p>2. Sekurang-kurangnya 70% daripada saham-saham syarikat dimiliki oleh Bumiputera.</p> <p>3. Syarikat mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya RM1 juta.</p> <p>4. Kenderaan yang hendak diimport adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. berkapasiti enjin melebihi 1,800 cc; ii. mempunyai harga jualan atas jalan melebihi RM250,000 seunit (bagi kereta sahaja); iii. model belum dipasang di Malaysia; dan iv. bukan kenderaan <i>tuned-up</i>; <p>5. Syarikat hanya dibenarkan mengimport kenderaan CBU baharu secara terus dari syarikat pengeluar di luar negara berdasarkan perjanjian francais.</p> <p>6. Pengambilan alih hak francais daripada syarikat sedia ada dibenarkan.</p>
Tempoh Sah AP	<ul style="list-style-type: none"> • Enam (6) bulan
Dokumen Sokongan	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Packing List</i> • <i>Bill of lading</i> • <i>Invoice</i>
Piagam Pelanggan	Lima (5) hari bekerja (permohonan <i>online</i>)